

# Negara-negara Asia digesa gembleng pengalaman

KUALA LUMPUR 20 Jun — Negara-negara Asia perlu mewujudkan hubungan atau kerjasama bagi menggemblengkan keupayaan dan pengalaman kerana masih banyak lagi keuntungan yang boleh dikecapi di rantau tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, strategi kerjasama serantau di kalangan pasaran-pasaran modal di Asia ini boleh merintis jalan ke arah keseragaman peraturan dan memajukan pasaran-pasaran modal masing-masing.

"Satu penggerak kepada pasaran-pasaran modal Asia ialah dengan pembiayaan projek prasarana melalui ekuiti atau pun pinjaman," katanya ketika

berucap merasmikan Persidangan Pasaran Permodalan Asia: Wilayah Pertumbuhan di sini, hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, asas penswastaan yang kukuh di Asia juga akan terus menyemarakkan lagi pembangunan pasaran-pasaran modal.

Di Malaysia sahaja, tegas beliau, pada tahun ini sahaja sebanyak 40 projek telah dikenalpasti untuk diswastakan termasuk bekalan air dan penjana kuasa.

"Keseimbangan pembangunan sektor dan modal swasta adalah faktor utama dalam memastikan kejayaan rancangan penswastaan," katanya.

Beliau berkata, setakat ini sebanyak 94 projek telah diswastakan dan

masih banyak lagi projek yang sedang disenaraikan.

Mengenai pasaran hutang sekuriti swasta di Asia yang belum dimajukan, Perdana Menteri berkata, sumbangan sekuriti hutang kepada jumlah dana yang dikumpulkan dalam pasaran modal tempatan meningkat daripada 3.4 peratus dalam tahun 1987 kepada 22.6 peratus pada 1992.

"Jumlah tersebut telah bertambah kepada 28 peratus sehingga Mei tahun ini dan jumlah ini masih lagi di bawah paras antarabangsa di mana bon menyumbang lebih daripada separuh jumlah aliran modal antarabangsa.

Dr. Mahathir turut mengingatkan para pelabur

saham agar mengelakkan daripada melabur dengan mengikut spekulasi, sebaliknya harus melabur berdasarkan asas.

Katanya, para pelabur seharusnya mengenali dengan lebih dekat syarikat pelaburan mereka bukannya terkeliru dengan khabar-khabar angin yang sering dilemparkan.

"Walaupun ada kebenaran di dalam pasaran spekulasi membenarkan seseorang itu boleh memperoleh keuntungan yang banyak jika memilih syarikat yang baru, tetapi berapa ramai di antara pelabur ini dapat berbuat demikian," katanya.

Tetapi, katanya, apa yang menghairankan terdapat juga para pelabur yang berpengalaman tu-

rut menjadi mangsa khabar-khabar angin walaupun telah berulang kali terbukti 'tips' itu tidak berdasar.

Untuk itu, katanya, usaha yang serius harus dilakukan untuk mendidik para pelabur mengenai asas-asas pasaran saham ini bagi mewujudkan satu bursa saham tempatan yang sihat agar dapat menyediakan modal secukupnya bagi pembangunan komersil negara.

Menurut Dr. Mahathir, langkah Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) menerbitkan buku panduan tahunan syarikat-syarikat dalam bahasa Malaysia adalah bertepatan dengan masanya.

Seminar selama tiga hari ini dihadiri oleh lebih 100 ahli ekonomi dari negara-negara Asia.